

16 DEC 1996

Everest - Pendaki

SEPULUH PENDAKI DIUMUM UNTUK TAWAN PUNCAK GUNUNG EVEREST

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Sepuluh pendaki akan mengetuai cabaran negara di Ekspedisi Mendaki Gunung Everest Mac tahun depan.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin membuat pengumuman itu pada majlis perasmian pejabat Sekretariat Projek Malaysia-Everest '97 di bangunan Standard Chartered Bank di sini hari ini.

Sepuluh pendaki itu ialah Aimi Zairin Mohd, Borhan Ibrahim, Gary Choong, Magendran a/l Munusamy, Mohd Fauzan Hassan, Mahanadas a/l Nagapan, Mohd Rizan Mat Hassan, Moorthy a/l Maniam, R. Ramakrisnan dan Zahidi Paiman.

Dua lagi pendaki, Teo Lee Lee dan Zahari Salleh diletakkan dalam senarai pendaki simpanan.

Mereka ialah antara 20 pendaki yang dipilih bagi menjalani latihan sebagai persediaan merealisasikan hasrat negara untuk menakluk puncak gunung tertinggi di dunia itu.

Menurut Presiden Persatuan Mendaki Malaysia (PMM), Nor Ramlle Sulaiman, sepuluh pendaki itu dipilih berdasarkan prestasi serta dayatahan yang telah ditunjukkan sejak latihan bermula dua tahun lepas.

Katanya, pendaki yang tidak didaftarkan akan turut serta tetapi sebagai pasukan pembantu untuk membantu jawatankuasa ekspedisi sepanjang pendakian itu.

Latihan terakhir bagi 10 pendaki itu sebelum memulakan ekspedisi mereka ialah menakluk Gunung Kinabalu dan para peserta akan menginap selama 10 hari di puncak gunung itu untuk menyesuaikan diri.

Projek Malaysia-Everest '97 yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu dianjurkan oleh PMM dan Yayasan Budaya Sukan Malaysia dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan, Kumpulan Utusan dan RTM.

Ekspedisi itu bermula Mac tahun depan. -- BERNAMA

AHA FAZ